

Kegagalan usahawan Bumiputera Salahkan diri sendiri

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

B.H 29 JUL 1992

KUALA LUMPUR, Selasa — Kegagalan rancangan kerajaan mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera berpunca daripada sikap usahawan Bumiputera sendiri yang tidak mahu menerima hakikat bahawa mereka lemah dalam bidang pengurusan dan tidak mengamalkan nilai mulia dalam berurusniaga, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pendapat bahawa masyarakat Bumiputera tidak dapat menyertai sektor berkenaan kerana modal yang terhad, tidak boleh diterima lagi kerana mereka yang menerima bantuan atau pinjaman kewangan, juga gagal dalam perusahaan.

Menurut Perdana Menteri, tiga faktor yang menyebabkan Bumiputera gagal menjadi usahawan berjaya, iaitu tidak mengamalkan nilai amanah dan bertanggungjawab, tidak mempunyai kesabaran dan lemah dalam bidang pengurusan.

Berucap melancarkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), anak syarikat Yayasan Pelaburan Bumiputera, di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata, pencapaian Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian adalah tidak setimpal dengan peruntukan kewangan yang dibelanjakan.

"Sejak pelancaran Da-

sar Ekonomi Baru (DEB), pelbagai program dan kemudahan disediakan. Pelbagai badan amanah seperti Mara, Uda dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan untuk membolehkan Bumiputera bergiat dalam bidang korporat.

"Beribu-ribu juta ringgit diperuntukkan dan pelbagai tabung seperti Tabung Pemulihan Usahawan dan Tabung Usahawan Baru diwujudkan. Malangnya usaha membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera belum mencapai tahap yang digariskan," katanya.

Oleh itu, katanya, pendapat bahawa Bumiputera tidak dapat menyertai sektor berkenaan kerana modal yang terhad, tidak boleh diterima lagi.

Perdana Menteri menegaskan, nilai mulia yang diamalkan oleh masyarakat Bumiputera adalah faktor penting bagi mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Menurut beliau, sebarang latihan untuk usahawan dan peniaga tidak membawa sebarang hasil jika tekanan kepada nilai mulia seperti amanah dan bertanggungjawab tidak diberi perhatian.

Katanya, kecekapan pengurusan semata-mata tanpa amanah boleh digunakan untuk melakukan jenayah dan penipuan.

Beliau berkata, apabila seorang Bumiputera melakukan sesuatu yang tidak beramanah dan bertanggungjawab atau beramanah, kesannya akan dirasai oleh seluruh kaum Bumiputera.

"Kesabaran adalah satu lagi faktor penting kerana mereka yang ingin kaya cepat akan ditimpa nasib malang jika mereka berniaga. Perniagaan harus tumbuh perlahan-lahan dan keuntungan bukan untuk dibelanjakan tetapi dilabur semula bagi membesarkan perniagaan.

"Selagi sifat ingin cepat kaya ini berleluasa di kalangan Bumiputera, selama itulah mereka akan gagal mendapat bahagian mereka dalam ekonomi negara," katanya.

Selain itu, kata Dr Mahathir, Bumiputera juga lemah dalam pengurusan tetapi tidak ramai yang berusaha mendapatkan pengetahuan mengenainya.

"Di kalangan Bumiputera ramai berpendapat bahawa jika mereka dilatih membuat satu barangan maka mereka mampu menjadi pengusaha sendiri. Pendapat ini adalah salah. Orang yang boleh membuat sesuatu barangan belum pasti boleh berniaga.

"Ini kerana dia tidak mempunyai kecekapan mengurus, satu disiplin yang sama sekali berlain-

LIHAT MUKA 2

Pengurusan aspek penting

DARI MUKA 1

B.H 29 JUL 1992

nan daripada pembuatan. Pengurusan adalah aspek penting dalam perniagaan moden dan kecekapan mengurus hanya boleh didapati daripada pengalaman di bawah pengurus lain," katanya.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, sebarang usaha melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumi-

putera tidak akan membawa sebarang hasil selagi aspek yang disebutkan itu tidak diberi penekanan.

"Ramai yang mungkin berpendapat bahawa tidak perlu disebutkan kelemahan ini kerana ia menghina atau melemahkan semangat.

"Tetapi pengalaman menunjukkan walau apa-

pun faktor asing dibaiki atau diatasi, selagi kemampuan pengusaha Bumiputera di segi sikap, sifat dan kecekapan perniagaan tidak ditingkatkan, sebarang usaha akan gagal.

"Kenyataan ini mesti dikenal pasti dan diterima kerana hanya selepas itu pembetulan dapat dibuat," katanya.